

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN YANG KE-13**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**(LANANG)**  
**TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**  
**NO. SOALAN : 30**  
**SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan :**

- a) Kesan perhimpunan Merah “Melayu Bangkit” pada 16 September 2015 terhadap pelabur Cina atau pelabur dari China memandangkan perkataan tidak senonoh seperti “Cina babi” dikeluarkan oleh penganjur dan peserta; dan
- b) Apakah tindakan yang telah dan akan diambil kepada golongan tersebut yang telah menjejaskan keharmonian di Negara Malaysia.

## **JAWAPAN :**

### **Yang Di Pertua,**

Kerajaan memang peka terhadap betapa pentingnya menjaga hubungan baik antara masyarakat untuk memupuk persefahaman, keharmonian komuniti dan kesepaduan sosial. Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam mengekalkan perpaduan kaum di negara Malaysia tercinta ini. Setiap orang perlu sedar bahawa perpaduan itu diasaskan untuk kita saling hormat menghormati, faham memahami antara satu sama lain tanpa membezakan antara satu sama walaupun Negara kita ini terdiri dari berbilang agama, budaya dan bangsa.

Tanggungjawab dan komitmen yang tinggi ini perlu dipikul oleh semua orang supaya tidak mengeluarkan perkataan atau isu-isu yang boleh mencetuskan satu kumpulan atau individu yang lain. Berhubungan perhimpunan Merah "Melayu Bangkit" seperti yang dipersoalkan, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah susulan dalam usaha menangani dan memupuk kesedaran masyarakat agar kita semua saling menghargai antara satu sama lain. Perpaduan bukanlah datang secara bergolek, tetapi perlu ada perancangan. Dan ini memerlukan tindakan dari semua orang atau pihak. Malah kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan keras terhadap sesiapa sahaja sama ada perhimpunan Merah atau perhimpunan Kuning melalui undang-undang yang sedia ada bagi menghalang dan memayungi perpaduan yang kita kecapai hari ini supaya tidak diganggu gugat oleh anasir berbudaya kuning.

Sehubungan itu, kita sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira anutan fahaman politik seharusnya bersyukur dengan keamanan yang kita kecapai hari ini di samping dapat mengekalkan keharmonian antara kaum yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Walaupun ada perbezaan ideologi politik, kita haruslah mengawalinya supaya tidak menjadi tegang serta menjaga hubungan baik sesama masyarakat dengan keharmonian yang telah terbina sekian lama.

Sekian, terima kasih.